



# KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	9/9/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	42
JABATAN	:	JPNP			

## NGO, kakitangan Jabatan Hutan lestari pemuliharaan hutan


DALAM usaha melestarikan pemuliharaan dan kehijauan alam sekitar serta kemampuhan ekosistem, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) melaksanakan Program Kempen Penanaman 5 Juta Pokok@Pahang bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Hutan Simpan Kekal Batu Talam, Raub, Pahang, baru-baru ini.

Seramai 130 orang mewakili 23 NGO bersama 70 kakitangan jabatan itu menjayakan program tersebut.

Sebanyak 2,210 benih pokok daripada spesies pokok hutan dan buah-buahan nadir ditanam melibatkan kawasan seluas kira-kira lapan hektar.

Setiap NGO diberikan lot tanaman masing-masing dari 38 lot yang disediakan dan berperanan sebagai 'ibu atau bapa angkat' pokok ditanam.

■ SEBAHAGIAN peserta mewakili 23 NGO yang menyertai Program Kempen Penanaman Lima Juta Pokok @Pahang anjuran Jabatan Perhutanan Pahang di Hutan Simpan Kekal Batu Talam, Raub, Pahang.



UM, 9 Sept  
2021 42

